

**MAJLIS KEMPEN MARI BELAJAR 2 JAM 3 JAM PERINGKAT
NEGERI SELANGOR**

TARIKH : 3 MAC 2008

MASA : 9.00 PAGI

**TEMPAT: DEWAN RAJA LUMU, MUZIUM SULTAN ALAM SHAH,
SHAH ALAM**

1. PERUNTUKAN 2008 UNTUK LATIHAN PEKEBUN KECIL

Latihan di Institut Kemajuan Pekebun Kecil – RM 5,250,300.00

Latihan Formal dan Informal - RM 4,800,000.00

Tuisyen Desa - RM 500,000.00

JUMLAH RM 10,550,300.00

2. LATIHAN PEKEBUN KECIL DIPERKASAKAN

- Pada Bulan **Ogos 2007**, **Bahagian Latihan RISDA** telah diwujudkan semula. Tujuan utama penubuhannya adalah untuk memastikan pekebun kecil dan staf RISDA menerima latihan dan bimbingan secara formal dengan lebih terancang. Pekebun kecil akan dilatih dalam bidang teknikal dan pengurusan ladang. Wujud kembali Bahagian Latihan RISDA

- **Pengwujudan Institut Kemajuan Pekebun Kecil di Kg. Awah, Temerloh, Pdg Rengas, Perak, Bukit Sireh, Kelantan dan RISTEC di Port Dickson, Negeri Sembilan.**

Pada tahun **2007**, sejumlah **271 kursus** telah diadakan untuk pekebun kecil di IKPK RISDA. Seramai **7,108 orang pekebun kecil** telah di beri latihan teknikal getah dan pengurusan ladang, kemahiran, keusahawanan, bina insan dan lain –lain kursus.

- Peruntukan yang dibelanjakan **RM 3,650,416.50**

- Kos seorang peserta RM 513.56

Pada tahun **2008**, **778 kursus** telah dijadualkan untuk seramai **13,890 pekebun kecil**. Peruntukan sejumlah **RM 5,250,300.00**

2. PROGRAM TUISYEN DESA

Peruntukan kepada RISDA dalam RMK 9 –RM 2 juta

Pada tahun 2007 - 50 Pusat Tuisyen Desa telah diwujudkan untuk anak-anak pekebun kecil

- UPSR, PMR, SPM
- 1,609 pelajar
- Peruntukan RM 500,000.00

Keputusan Peperiksaan UPSR

Daripada 851 pelajar, 106 memperolehi 5A, 78 pelajar 4A, 92 pelajar 3A dan 119 pelajar 2A

Keputusan Peperiksaan PMR

Daripada 347 pelajar, 6 pelajar memperolehi 8A, 7 pelajar 7A, 6 pelajar 6A, 7 pelajar 5A, 17 pelajar 4A, 27 pelajar 3A dan 35 pelajar 2A.

Pada tahun 2008 – 50 Pusat Tuisyen Desa

- SPM sahaja
- 750 pelajar
- Peruntukan RM500,000.00

3. LATIHAN FORMAL DAN IN FORMAL

Selaras dengan penekanan Kerajaan untuk meningkatkan pengurusan ladang dan produktiviti kebun, **Pada tahun 2007**, sejumlah **51, 582 kursus Informal** dan **1,802 kursus Formal** telah dilaksanakan melibatkan seramai **616,161 orang peserta** termasuk ahli keluarga pekebun kecil.

Pada tahun 2008, Kekerapan kursus formal dan informal yang perlu dilaksanakan oleh pegawai luar RISDA **di tingkatkan** untuk meliputi **lebih ramai lagi pekebun kecil.**

Peruntukan sejumlah **RM 4.8 juta.**

4. PENEKANAN KEPADA KONSEP PENDAMPING

Konsep pendamping bermaksud bahawa RISDA komited untuk membantu dan membangunkan masyarakatan pekebun kecil dengan lebih baik. Pekebun kecil akan dibimbing, dilatih, dididik dan juga diberi tunjukajar sehingga mereka boleh menerima sebarang teknologi, pendekatan ataupun perubahan sikap kearah yang lebih positif.

Setiap Pembantu Pertanian RISDA (PPR) kawasan telah ditugaskan selaku pegawai pendamping dan juga pegawai pengembangan. Mereka dikehendaki mengenalpasti pekebun kecil pemilik pengusaha di kawasan masing-masing. Pekebun kecil yang tergolong dalam kelompok miskin tegar dan miskin akan diberi keutamaan dalam sebarang program yang dijalankan oleh RISDA. Mereka akan dibantu dan diberi bimbingan serta tunjukajar sehingga dapat keluar dari kelompok miskin tegar.

Dalam usaha-usaha pendampingan ini, setiap PPR kawasan telah diminta berjumpa dan berbincang dengan pekebun kecil di kawasan masing-masing dengan kekerapan sekurang-kurangnya lima (5) kali setahun.